

23 NOV 1997

Sabbaruddin-Cuti (Bergambar)

LARANGAN KE LUAR NEGERI HANYA UTK TUJUAN BERCUTI - SABBARUDDIN

PETALING JAYA, 23 Nov (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik berkata keputusan parti untuk tidak membenarkan anggotanya ke luar negeri pada tahun ini hanyalah untuk tujuan bercuti sahaja.

Beliau berkata keputusan itu yang dibuat pada mesyuarat khas Majlis Tertinggi (MT) Umno baru-baru ini merupakan salah satu langkah berjimat-cermat bagi mengawal pengaliran keluar tukaran wang negara.

Menurutnya, semua pihak dalam parti haruslah mematuhi nasihat Presiden Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung perkara itu.

"Nasihat presiden yang dinyatakan oleh Timbalan Presiden parti itu serupalah dengan arahan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pertandingan Kucing Antarabangsa Kelab Kucing Malaysia/Friskies '97 di sini hari ini.

Sabbaruddin berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa Umno telah memutuskan semua pemimpin parti di semua peringkat tidak dibenarkan bercuti di luar negeri pada tahun ini sebaliknya digalakkan bercuti di destinasi pelancongan dalam negeri.

Bagaimanapun, anggota Umno dibenarkan ke luar negeri sekiranya mereka ada urusan tertentu, kata Sabbaruddin yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

"Setiap undang-undang mesti ada pengecualian. Mereka cuma tidak boleh bercuti ke luar negeri itu sahaja," katanya.

Mengenai kehadirannya ke Pasaran Pelancongan Dunia '97 (WTM) di London baru-baru ini, beliau mengulangi bahawa pihaknya sedang berusaha membawa media-massa asing serta agensi pelancongan luar ke Malaysia bagi membolehkan mereka melihat sendiri keadaan cuaca di negara ini yang kini bebas daripada jerebu.

Beliau berkata kementerianya juga telah bekerjasama dengan hotel-hotel tempatan untuk memberikan penginapan percuma kepada mereka sebagai insentif.

Di samping itu, Penerbangan Malaysia (MAS) akan memberikan tiket percuma dan Persatuan Agensi Pelancongan Malaysia (MATTA) pula akan memberikan kerjasama dari segi penyediaan pengangkutan, katanya.

Sabbaruddin berkata MAS juga bersetuju memberikan tiket percuma kepada media-massa tempatan untuk ke luar negeri dengan tujuan melaporkan keadaan sebenar mengenai negara ini kepada pengusaha agensi pelancongan dan media-massa asing.

Menurutnya pembatalan pakej percutian oleh pelancong asing dibuat kerana media-massa asing masih memainkan isu jerebu di Malaysia.

Bahkan sebuah akhbar tabloid asing telah melaporkan bahawa lapangan terbang Sarawak telah ditutup selama beberapa hari akibat jerebu menjadikan beberapa bandar di negeri itu antara yang terkotor dan tercemar di dunia, katanya.

"Kita mesti "counter" kenyataan seumpama itu," katanya sambil menambah usaha Malaysia di WTM untuk mengembalikan keyakinan pengusaha agensi pelancongan bahawa keadaan cuaca di sini telah kembali pulih telah menunjukkan hasil. -- BERNAMA

HAK oba